

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

IKE 211 - Mikroekonomi 1

Masa: [3 Jam]

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila pastikan kertas soalan ini mengandungi **ENAM BELAS [16]** muka surat bercetak sebelum anda mula menjawab peperiksaan ini.
2. Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** bahagian Soalan 1 dalam Bahagian A dan **DUA [2]** soalan dalam Bahagian B.
3. Jangan ceraikan mana-mana muka surat soalan kerana calon **WAJIB** menyerahkan kembali keseluruhan kertas soalan ini setelah tamat peperiksaan ini.
4. Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang-ruang yang disediakan pada kertas soalan ini. Bahagian ini menyumbangkan 60 markah. Baca arahan tiap-tiap bahagian tentang cara menjawab soalan itu sebelum anda menjawab.
5. Bagi soalan Bahagian B, tulis jawapan anda dalam kertas peperiksaan yang disediakan. Bahagian ini menyumbangkan 40 markah.
6. Jawapan yang tidak menunjukkan jalan penghitungan tidak akan mendapat markah sepenuhnya.
7. Mesin hitung elektronik boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

...2/-

BAHAGIAN A [60 Markah]**Soalan 1 [60 markah]**

Jawab **SEMUA** bahagian Soalan 1 dalam ruang-ruang kosong yang disediakan.

[A] Keluk permintaan keropok ikan parang diwakili oleh persamaan

$$Q_d = 100 - 3P$$

dengan P mewakili harga keropok dalam RM sebungkus dan, dan Q_d mewakili kuantiti diminta dalam ribu bungkus sebulan. Keluk penawarannya pula diwakili oleh persamaan


$$P = \frac{Q_s - 50}{7}$$

dengan Q_s merupakan kuantiti keropok ditawarkan, juga dalam ribu bungkus sebulan.

[i] Hitungkan harga dan kuantiti keseimbangan pasaran keropok ikan parang itu.

[2 markah]

- [ii] Lakarkan secara kasar rajah keseimbangan pasaran keropok ikan parang itu setelah dikenakan cukai seunit sebanyak RM1, dalam Rajah 1 berikut. Labelkan rajah anda dengan sempurna. Tunjukkan kerugian luput yang diakibatkan oleh cukai tersebut



Rajah 1: Keseimbangan pasaran keropok ikan parang.

[2 markah]

- [iii] Berapakah daripada cukai itu yang ditanggung oleh pengguna dan berapakah pula yang ditanggung oleh penjual?

[2 markah]

- [B] Ehson ialah sebuah firma yang menjual mesin pencetak dan kertas pencetak. Keluk permintaan pencetaknya dianggar oleh persamaan berikut:

$$P = 1800 - Q^2$$

manakala permintaan untuk kertas pencetaknya dianggarkan oleh persamaan:

$$P = 40 - 2Q.$$

Pencetaknya sekarang dijual dengan harga RM900.00 dan kertas pencetaknya dijual dengan harga RM30.00

- [i] Berapakah keanjalan permintaan harga pencetaknya? Firma tersebut bercadang untuk mengurangkan harga pencetaknya untuk menambahkan jumlah hasilnya. Bolehkah anda bersetuju dengan rancangan Ehson? Kenapa?

[2 markah]

- [ii] Pengurus jualannya ingin menaikkan harga kertasnya kerana kuantiti jualannya yang sedikit boleh menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi jika harga dinaikkan. Apakah pandangan anda? Kenapa?

[2 markah]

- [iii] Berapakah harga setiap keluarannya itu yang akan memaksimumkan jumlah hasil daripada kedua-duanya.

[3 markah]

- [C] Syarikat Alfin menganggarkan permintaan untuk keluarannya sebagai berikut:

$$Q = 2.5M^{1.15}P^{-0.75}C^{-0.5}$$

dengan Q merupakan jumlah keluaran, M, pendapatan purata pengguna, P, harga barang dan C, bilangan pengguna.

- [i] Berapakah keanjalan permintaan harga dan keanjalan permintaan pendapatan barang keluarannya?

[3 markah]

- [ii] Katakan bilangan pengguna tidak bertambah. Apabila harga barangnya RM20,000 dan pendapatan purata pengguna RM18,000, kuantiti yang diminta berjumlah 25,000 unit. Jika pendapatan dijangka akan meningkat menjadi RM18,900 dan harga keluarannya akan menjadi RM20,400, anggarkan kuantiti perubahan kuantiti diminta.

[3 markah]

- [D] Syarikat Papa Kedana mengeluarkan dua keluaran yang diberi nama Tu dan Ni. Mengikut pegawai penyelidik syarikat berkenaan perhubungan di antara kuantiti jualan barang Tu dan harga barang Ni, dengan hal-hal lain tidak berubah, adalah:

$$Q_t = 1000 - 0.6P_n$$

- [i] Adakah barang Tu dan Ni merupakan penggenap, pengganti atau tidak berkait? Kenapa?

[2 markah]

- [ii] Tentukan keanjalan permintaan silang lengkung bagi harga Ni di antara RM100 dan RM80.

[2 markah]

Angka Giliran: _____

- 7 -

[JKE 211]

[iii] Berapakah keanjalan permintaan silang apabila harga Ni RM100?

[3 markah]

[E] Bo Doh Incorporated sekarang mengeluarkan outputnya dalam jangka pendek. Pada tahap pengeluarannya sekarang, beliau mendapati $AP_L = 15$, dan $MP_L = 8$.

[i] Jelaskan pada tahap berapakah firma ini berada dalam proses pengeluarannya?
Kenapa?

[2 markah]

- [ii] Apakah akan terjadi kepada MP_L syarikat ini jika ia terus mengeluarkan pada tahap III pengeluarannya? Jelaskan.

[2 markah]

- [F] Sebuah firma mengeluarkan output dengan fungsi pengeluaran:

$$Q = f(K, L) = 4K^2 + 2KL + 3L^2$$

dengan Q = jumlah output, K = jumlah jam komputer, L = jumlah jam buruh.

- [i] Hitungkan jumlah keluarannya jika firma ini menggunakan 40 jam komputer dan 150 jam buruh.

[2 markah]

[ii] Berapakah nilai keluaran sut buruh dan keluaran sut komputer dalam [i].

Unit	Output	Input	Output	Input	Output	Input
1	10	10	10	10	10	10
2	20	20	20	20	20	20
3	30	30	30	30	30	30
4	40	40	40	40	40	40
5	50	50	50	50	50	50

[3 markah]

[iii] Tentukan pulangan mengikut skel fungsi pengeluaran ini.

[2 markah]

- [G] Akauntan Syarikat Al-Muflisin sedang menghitung kos pengeluarannya, tetapi tidak dapat memastikan beberapa perkara yang terkandung dalam Jadual 1.

Jadual 1: Jadual kos pengeluaran Al-Muflisin

Output	TC	FC	VC	ATC	AVC	MC
0		30				
1	46					
2			48			
3	120					
4			55			

Bantu Al-Muflisin menjawab soalan-soalan berikut:

- [i] Jika ia hendak menghadkan jumlah kosnya kepada RM30, berapakah output yang mesti dikeluarkannya?

[1 markah]

- [ii] Berapakah kos sutnya bagi mengeluarkan unit output yang ke-2?

[2 markah]

- [iii] Hitungkan kos berubah purata bagi outputnya yang ke-3.

[2 markah]

[H] Koslayu ialah sebuah firma yang mengeluarkan output dengan fungsi kos

$$TC = 100 - 5Q + 0.01Q^2.$$

Puan Bing Ong baru dilantik sebagai pengurus pengeluaran dan belum mahir menghitung kos-kos yang berkaitan dengan pengeluaran firma ini.

[i] Tunjukkan kepada Puan Bing Ong cara anda menerbitkan fungsi kos purata, kos sut dan kos tetap firma ini.

[3 markah]

[ii] Bantu Puan Bing Ong menghitung kuantiti output yang akan meminimumkan kos purata firma ini.

[2 markah]

- [iii] Hitungkan harga yang akan menyebabkan syarikat ini mendapat keuntungan normal sahaja.

[2 markah]

- [I] Bungaca ialah sebuah firma yang mengeluarkan bunga kaca perhiasan dengan kos pengeluaran $TC = 500 + 30Q$. Keluk permintaan untuk keluarannya dianggarkan oleh persamaan:

$$Q_d = 175 - 2.5P$$

dengan Q = kuantiti bunga sebulan, P = harga (RM).

- [i] Tentukan harga dan kuantiti outputnya yang akan memaksimumkan keuntungan.

[3 markah]

Angka Giliran: _____

- 13 -

[JKE 211]

[ii] Tuliskan fungsi keuntungan Bungaca.

[2 markah]

[iii] Berapakah jumlah keuntungannya pada kuantiti output yang memaksimumkan keuntungan itu?

[2 markah]

[J] Anda diberikan satu keluk jumlah kos jangka panjang seperti berikut:

$$LTC = 2Q^3 - 12Q^2 + 30Q$$

[i] Hitungkan kuantiti output yang akan meminimumkan kos purata jangka panjang fungsi kos tersebut.

[2 markah]

[ii] Berapakah harga keseimbangan industri dalam jangka panjang itu?

[2 markah]

BAHAGIAN B [40 markah]

Jawab **DUA** [2] soalan sahaja.

Soalan 2 [20 markah]

- [a] Hukum permintaan menyarankan bahawa kuantiti diminta sesuatu barang itu berubah secara songsang dengan harganya. Tunjukkan bagaimana analisis utiliti kardinal menyokong pemikiran di sebalik hukum permintaan itu. [8 markah]
- [b] Dengan menggunakan rajah dan persamaan yang sesuai jelaskan prinsip sut sama dalam teori pengguna. [6 markah]
- [c] Ramai yang menganggap perbincangan tentang teori utiliti itu tidak berguna kerana utiliti merupakan konsep yang abstrak. Apakah pandangan anda tentang perkara ini? [6 markah]

Soalan 3 [20 markah]

- [a] Jelaskan makna keluaran sut dan keluaran purata. Adakah keluaran purata semestinya negatif apabila keluaran sut negatif? Apakah ketika itu keluaran purata semestinya terus jatuh? Jelaskan. [7 markah]
- [b] Kaitkan kos sut dengan keluaran sut dalam jangka pendek apabila hanya buruh yang merupakan satu-satunya faktor berubah dalam proses pengeluaran. Gunakan perhubungan ini untuk menjelaskan kesan hukum kadar berubah terhadap kos sut. [7 markah]
- [c] Sama ada kos purata meningkat, berkurangan atau malar apabila output ditambah, bergantung kepada sifat pulangan mengikut skel. Jelaskan kenapa keluk kos yang berbentuk U mempamerkan bahagian yang berkurangan, malar dan meningkat. [6 markah]

Soalan 4 [20 markah]

- [a] Bolehkah ada mengenal pasti satu industri di Malaysia yang telah dapat mengekalkan kedudukan monopolinya selama lebih 50 tahun? Jelaskan jawapan anda dari segi sumber-sumber kuasa monopoli. [8 markah]
- [b] Apakah yang dimaksudkan dengan kos sosial monopoli? Adakah persaingan sempurna mempunyai kos sosial juga? Jelaskan. [6 markah]
- [c] Katalah sebuah firma monopoli mempunyai keluk permintaan yang linear. Firma tersebut kini sedang mengeluarkan output yang memaksimumkan keuntungannya. Adakah firma itu lebih suka jika keluk permintaannya anjal atau tidak anjal? Huraikan. [6 markah]

Soalan 5 [20 markah]

- [a] Dalam pasaran persaingan sempurna, sebuah firma yang mengalami kerugian dalam jangka pendek masih mungkin mengeluarkan output yang positif. Bagaimanakah boleh jadi sedemikian? Jelaskan dengan menggunakan rajah-rajah yang sesuai. [6 markah]
- [b] Bagaimanakah keluk penawaran pasaran jangka panjang boleh jadi mendatar sedangkan setiap firma mempunyai keluk penawaran jangka pendek yang mencerun ke atas? Huraikan dengan menggunakan rajah-rajah yang sesuai. [8 markah]
- [c] Apakah yang dimaksudkan dengan keuntungan sifar? Bagaimanakah persaingan di antara firma-firma bakal pesaing dalam pasaran persaingan sempurna boleh membawa kepada keuntungan sifar? [6 markah]

oooOooo